

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى اَسْتَاذِنَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2022

### FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI

### JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

NOR HAFIZAH BINTI MOHAMED HARITH

**KETUA UNIT KUALITI :**

THENMOLLI A/P VADEVELOO

**PENYELARAS :**

THENMOLLI A/P VADEVELOO

**PENULIS :**

1. NASYRAH BINTI AHMAD
2. SAIDAH HAMIZAH AHMAD
3. SHAWAL BIN SAHID HAMID@HUSSAIN
4. FARHATUL MUSTAMIRRAH BINTI MAHAMAD AZIZ
5. MOHAMMAD BASTYIAN BIN MAHMUD
6. NOR ZAKIAHANIM BINTI ZAKARIA
7. THENMOLLI A/P VADEVELOO



8. MOHD RAMLAN BIN MOHD ARSHAD
9. FARIHAH BINTI HASSAN
10. MARNI BINTI GHAZALI
11. MUHAMAD FUAD BIN ABDUL KARIM
12. NUR AIDA BINTI MOHD KAMAL
13. NOR EZRINE BINTI YUSSOFF
14. SHARIFAH FAATIHAH BINTI SYED MOHD FUZI
15. SHAHIDAH BINTI ABDUL RAZAK
16. NOR SYAMALIAH BINTI NGAH

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan**

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) berpangkalan di Shah Alam dan Seremban yang diketuai oleh barisan pengurusan yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan Hal Ehwal pelajar, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik, dan Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti & Rangkaian Alumni (*RICAEN*). FSPPP telah melalui satu transformasi yang besar di dalam kepimpinannya apabila pada 2014 kampus seremban telah diwujudkan di bawah *Private Finance Initiatives* (FPI) yang menggabungkan staf FSPPP daripada kampus yang berbeza. Perkara ini memberi cabaran baru kepada kepimpinan fakulti daripada aspek operasi. Namun, ianya juga memberi kebaikan daripada aspek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan di mana gabungan kepakaran daripada kampus berbeza dapat diselaraskan dan penglibatan bersama di dalam memastikan gerak kerja untuk mencapai sasaran dapat dilakukan secara bersama.

#### **Pelaksanaan**

Fakulti sentiasa memastikan segala tugas berjalan dengan lancar. Demi mencapai kejayaan dari segi jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Selain itu, pelbagai inisiatif dititikberatkan oleh barisan kepimpinan untuk memastikan bidang tujahan dapat mencapai sasaran kualiti yang telah ditetapkan. Setiap garis panduan yang dipatuhi oleh barisan kepimpinan adalah bagi memastikan sasaran fakulti dapat dicapai dan memenuhi aspirasi UiTM.

#### **Pemantauan**

Pihak fakulti sentiasa memastikan garis panduan yang diguna pakai dalam usaha mempertingkatkan dan menambahbaik secara berterusan dalam mengekalkan kualiti perkhidmatan dan budaya kerja jabatan barisan kepimpinan. Kepimpinan yang berkaliber menjadi tunggak utama dalam memastikan pencapaian fakulti dari sudut jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan demi melonjakkan UiTM ke aras yang lebih tinggi. FSPPP juga sentiasa menyokong peningkatan usaha dan pencapaian matlamat oleh para staf dan pelajar dari sudut membentuk jaringan alumni, komuniti dan meningkatkan taraf kesukarelawanan.

#### **Tindakan Penambahbaikan**

Penambahbaikan dari segi proses pengajaran dan pembelajaran menjadi elemen utama barisan kepimpinan FSPPP dan sentiasa menyediakan dan menambahbaik kemudahan bagi tujuan membina jaringan alumni dan komuniti serta membentuk budaya kesukarelawanan yang tinggi di kalangan warga fakulti. FSPPP juga peka terhadap segala masalah yang dihadapi oleh warga fakulti dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dengan mengambil inisiatif-inisiatif yang baru dan berlainan dalam menangani masalah yang dihadapi namun kaedah-kaedah semasa yang membuahkan hasil diteruskan pada kadar yang lebih efektif dan efisien.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) diketuai oleh Dekan, Profesor Madya Dr. Nor Hafizah Mohamed Harith yang selalu memberi fokus kepada aspek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan sebagai salah satu cabang penting dalam menentukan kecemerlangan fakulti. Walaupun berdepan dengan isu pandemik COVID-19 pihak pengurusan sentiasa memberi kerjasama kepada aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan yang dilaksanakan bukan sahaja diperingkat fakulti, tetapi juga diperingkat luar dengan memanjangkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan.

Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan adalah amat penting untuk memantapkan lagi kejayaan sebuah fakulti. Ini kerana komitmen dan kepekaan kepada masalah pelajar, staf, alumni dan juga masyarakat sekitarnya akan membentuk kepercayaan yang jitu dan membawa nama baik kepada fakulti. Sehubungan dengan itu, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni FSPPP (RICEAN) memegang tanggungjawab penuh dalam memastikan kesemua Petunjuk Prestasi (PI) bagi bidang alumni, komuniti dan kesukarelawan fakulti dapat dilaksanakan dengan baik. RICAEN FSPPP bertanggungjawab menyelaras semua program berkaitan dengan membantu Penasihat Program dari masa ke semasa yang dilaksanakan bukan sahaja diperingkat fakulti, tetapi juga diperingkat luar dengan memanjangkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan.

Jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan adalah amat penting untuk memantapkan lagi kejayaan sebuah fakulti. Ini kerana komitmen dan kepekaan kepada masalah pelajar, staf, alumni dan juga masyarakat sekitarnya akan membentuk kepercayaan yang jitu dan membawa nama baik kepada fakulti. Sehubungan dengan itu, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni FSPPP (RICEAN) memegang tanggungjawab penuh dalam memastikan kesemua Petunjuk Prestasi (PI) bagi bidang alumni, komuniti dan kesukarelawan fakulti dapat dilaksanakan dengan baik. RICAEN FSPPP bertanggungjawab menyelaras semua program berkaitan dengan membantu Penasihat Program dari masa ke semasa.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_K01\\_KB02\\_20221\\_fsppp\\_quality\\_objectives.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB02\\_20222\\_F0064\\_P01\\_PB02\\_20222\\_7.MINIT MESYUARAT PENGURUSAN BILANGAN 7-2021\\_21 April 2021 \(1\).pdf](#)
3. [F0064\\_K01\\_KB02\\_20223\\_F0064\\_K1\\_KB-2022\\_RICAEN STRUCTURE.pdf](#)
- 4.
- 5.

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **INISIATIF PENGURUSAN KANAN FSPPP DALAM MEMPERKASAKAN JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWANAN**

##### **Penganjuran Program Secara atas talian**

Atas faktor kesihatan dan keselamatan, kesemua program yang melibatkan pihak luar telah dijalankan secara atas talian. Program-program berbentuk *Knowledge Transfer* seperti ceramah dan sesi perkongsiaan diadakan melalui aplikasi *Facebook Live*, *Zoom* dan juga *Google Meet*. Manakala program khidmat komuniti seperti penyerahan bantuan kepada kumpulan sasaran seperti golongan asnaf dijalankan secara bersemuka yang hanya melibatkan wakil fakulti sahaja. (Rujuk Bukti 3)

##### **Mempelbagai Sumber Kewangan**

Faktor kewangan merupakan faktor utama yang menjadi kekangan dalam pelaksanaan program. Selain daripada peruntukkan kewangan yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan, kakitangan FSPPP juga telah membuat sumbangan peribadi bagi menjayakan lagi perjalanan program terutamanya bagi program yang melibatkan misi bantuan bencana dan meringankan beban golongan yang memerlukan. Dalam masa yang sama, FSPPP juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan tajaan luar. Hasil daripada hubungan yang baik dengan rakan strategik seperti syarikat korporat dan alumni. (Rujuk Bukti 4)

##### **Mesyuarat Khas Pencapaian PI FSPPP Bersama Dekan**

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat pertama diadakan difakulti oleh Ybhg Dekan bertujuan membincangkan dan membentangkan pencapaian petunjuk prestasi (PI) fakulti kepada semua warga FSPPP (Rajah 1.3). Ianya juga merupakan platform perkongsiaan hala tuju fakulti supaya semua staf memahami objektif yang hendak dicapai dan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam usaha melaksanakan inisiatif-inisiatif tertentu yang boleh membawa kejayaan kepada kesemua program yang hendak dijalankan. (Rujuk Bukti 5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB03\\_20221\\_FRCG GERAN DALAMAN FSPPP - Budget Vote FIRG FRCG.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB03\\_20222\\_GERAN DALAMAN FSPPP - Budget Vote FIRG FRCG.pdf](#)
3. [F0064\\_K01\\_KB03\\_20223\\_F0064\\_K1\\_KB-2022\\_ALUMNI ACTIVITY.pdf](#)
4. [F0064\\_K01\\_KB03\\_20224\\_F0064\\_K1\\_KB-2022\\_DANA TAJAAN LUAR.pdf](#)
5. [F0064\\_K01\\_KB03\\_20225\\_F0064\\_K1\\_KB-2022\\_MESYUARAT PI.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti unggul yang berteraskan keserjanaan dan kecemerlangan akademik; bidang jaringan industri, alumni dan kesukarelawanan perlu sama ditekankan oleh seluruh warga Universiti. Seajar dengan agenda UiTM, FSPPP juga bersama-sama menggalas tanggungjawab ini dalam melonjak kecemerlangan fakulti dan Universiti. Bagi memastikan kelestarian dan kecemerlangan FSPPP, serta memastikan cabaran dan halangan dapat diatasi dengan berkesan; beberapa strategi pemantauan telah diambil dan dilaksanakan oleh kepimpinan dan pengurusan fakulti. Antara strategi pemantauan yang berkesan yang telah dilaksanakan di peringkat fakulti adalah:

**1. Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan** : Mesyuarat ini diadakan dua kali setahun bagi melihat semula dan membincangkan kesemua pencapaian Objektif Kualiti FSPPP. Platform ini sangat penting kerana jika ada inisiatif strategik yang tidak tercapai misalnya, Dekan bersama-sama pengurusan kanan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan kebolehcapaian sesuatu objektif.

**2. Mesyuarat Pengurusan** : Mesyuarat ini merupakan platform bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan FSPPP dimana ahli mesyuarat dapat memberikan maklumat berkaitan program, membentangkan kertas kerja program, membuat lantikan JK, memberi maklumbalas berkaitan program dan lain-lain. Mesyuarat ini dijalankan sekurang-kurangnya dua kali dalam masa satu bulan dan turut meluluskan program-program berkaitan dan penyelidikan yang dijalankan oleh pihak fakulti.

**3. Sistem e-Aduan** : merupakan salah satu kaedah penambahbaikan yang dibuat oleh fakulti. Aduan boleh dibuat oleh staf melalui laman sesawang fakulti. Sistem ini dipantau oleh Koordinator Korporat dan aduan-aduan akan dibentangkan semasa MKSP.

**4. Mesyuarat Akademik (Awal Semester)**: Mesyuarat yang dilaksanakan pada awal semester ini dipengerusikan oleh Dekan FSPPP. Selain untuk membincangkan aspek-aspek pembelajaran seperti pelaksanaan sesi kuliah, penetapan Amanah Tugas Pensyarah (ATP), isu dan cabaran semasa, mesyuarat ini merupakan platform penting bagi pihak pengurusan untuk menyampaikan dan memberi maklum balas tentang pencapaian PI dan pelaksanaan inisiatif strategik fakulti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20221\\_TAKWIM MESYUARAT FSPPP 2021-terkini.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.



### 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Berikut adalah halangan/ancaman yang dihadapi oleh FSPPP bagi mencapai objektif/KPI/sasaran yang telah ditetapkan:

Cabaran utama yang perlu dihadapi fakulti bagi melaksanakan program yang berunsurkan komuniti dan kesukarelawanan semasa fasa pandemik **COVID-19** adalah kebanyakan program tidak dapat dijalankan secara fizikal. Ini kerana umumnya, program melibatkan komuniti dan kesukarelawanan amat sinonim dengan perkhidmatan khidmat sukarela menerusi penyertaan aktif kumpulan atau individu tertentu. Halangan ini telah menyebabkan pihak fakulti menjadi lebih selektif dalam memilih bentuk program yang hendak dijalankan.

Selain daripada itu, **kekangan kewangan** juga merupakan halangan kepada pelaksanaan program yang hendak dijalankan. Peruntukan kewangan yang diluluskan sangat terhad dan menjadi cabaran utama kepada Penasihat Program untuk memikirkan alternatif ataupun cara terbaik untuk melaksanakan program tanpa menjejaskan objektif yang hendak dicapai.

Kepimpinan dan pengurusan FSPPP sentiasa memastikan **pengurusan risiko terhadap pelajar dan data-data**. Dokumen Profil Pengurusan Risiko FSPPP menerangkan objektif, carta organisasi, peranan dan tanggungjawab, terma dan definisi, rekod pengurusan risiko serta menyenaraikan borang-borang yang berkaitan dengan pengurusan risiko yang diperlukan bagi menjalankan pengurusan risiko termasuklah dalam aspek penyelidikan dan penerbitan.

Bagi memastikan pelaksanaan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan dapat dijalankan dengan jayanya diperingkat fakulti, kesemua warga FSPPP memainkan peranan penting dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan dalam proses menjayakan sesuatu perkara, terdapat cabaran yang harus ditempuh. Pelbagai inisiatif telah diketengahkan oleh pihak pengurusan fakulti demi memastikan keupayaan fakulti untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Ini kerana Dasar Bekerja dari Rumah yang dilaksanakan oleh pihak Universiti boleh memberi kesan terhadap penglibatan pensyarah didalam aktiviti berkaitan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20221\\_RISIKO PELAJAR BERDEPAN PANDEMIK COVID-19 SESI MAC-OGOS 2021 \(kelulusan JAF 3.6.2021\) updated 9.7.2021.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20222\\_8.10.2021 - MINIT MESYUARAT AKADEMIK BIL 3-2021 \(1\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pihak fakulti telah merancang untuk menambahbaik proses kerja bidang penyelidikan dan penerbitan fakulti bagi mencapai objektif/KPI/sasaran seperti dibawah:

- i. Menghebahkan kepada staf fakulti berkenaan peluang untuk sama terlibat dalam apa jua bentuk aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan di peringkat fakulti dan universiti mahupun secara kolaborasi bersama universiti tempatan dan antarabangsa
- ii. Merancang dan memperkukuhkan kerjasama dua hala bersama organisasi terpilih diperingkat kebangsaan dan antarabangsa di masa hadapan. Hal ini juga melibatkan pihak-pihak daripada sektor korporat yang terlibat sama di dalam usaha merencanakan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.
- iii. Mempelbagaikan program untuk mengukuhkan usahasama yang terjalin melalui MoU dan MoA di masa hadapan bagi merencanakan lagi aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan diperingkat fakulti, universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20221\\_8.10.2021 - MINIT MESYUARAT AKADEMIK BIL 3-2021 \(1\).pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Dalam merancang hala tuju dan pembangunan FSPPP, kepimpinan dan pengurusan FSPPP sentiasa berpandukan kepada hala tuju institusi pengajian tinggi dalam negara serta hala tuju UiTM seperti mana yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UiTM 2025. Pelan strategik UiTM bagi tempoh 5 tahun ini merupakan garis panduan utama dalam penyediaan Perancangan Strategik FSPPP. Integrasi Pelan Strategik UiTM dan Fakulti sangat ditekankan bagi memastikan FSPPP berkembang seiring dengan visi, misi dan objektif universiti. Walau bagaimanapun, objektif kualiti fakulti sentiasa ditambahbaik dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan dan penekanan utama UiTM. Objektif kualiti fakulti yang ditambah baik akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kaji Semula Pengurusan Fakulti (MKSP) bagi membincangkan kesesuaian pelaksanaan dan untuk mendapat maklum balas daripada Pengurusan Kanan fakulti.

Objektif kualiti fakulti yang telah ditetapkan di war-warkan kepada semua warga fakulti dalam Mesyuarat Akademik Fakulti yang diadakan sebanyak dua kali dalam satu semester. Ianya bertujuan memberi pemakluman kepada semua warga untuk sama-sama membantu menyumbang dalam mencapai objektif kualiti fakulti ini. Seterusnya, pencapaian objektif kualiti fakulti juga turut dibentangkan kepada semua warga bagi mendapat maklumbalas untuk penambahbaikan fakulti dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, warga fakulti juga sentiasa didedahkan dengan matlamat utama UiTM dan fakulti sepertimana yang dinyatakan dalam pelan strategik masing-masing. Hal ini dapat memupuk kebersamaan dalam kalangan warga dalam memastikan fakulti sentiasa membangun dengan produktif, berdaya saing dan menuju kecemerlangan dalam dan luar negara.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_K01\\_KB05\\_20221\\_fsppp\\_quality\\_objectives.pdf](#)
2. [F0064\\_K01\\_KB05\\_20222\\_LAPORAN\\_PENCAPAIAN\\_TAHUNAN\\_FSPPP\\_2021.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **2.1 Perancangan**

Dokumen Perancangan Strategik (2021-2025) adalah bahan rujukan penting bagi Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sebagai sebuah fakulti pembuatan polisi, libat urus setiap peringkat adalah amat penting. Penglibatan ini merangkumi ahli pengurusan fakulti, pensyarah, dan pelajar dalam memenuhi setiap kriteria yang telah ditetapkan dan ini telah terbukti berjaya dalam mencapai setiap PI yang telah ditetapkan. Perbincangan libat urus ini telah dilaksanakan melalui komunikasi berkesan yang diadakan dalam setiap mesyuarat yang melibatkan perbincangan di antara ahli pengurusan dan pensyarah. Perbincangan bersama kelab-kelab pelajar juga dilaksanakan bagi proses 'mapping' bagi mencapai setiap objektif yang ditetapkan. Setiap pelajar adalah bertanggungjawab dalam menyempurnakan setiap program yang telah dikenalpasti bagi memenuhi tuntutan perancangan strategik fakulti.

#### **2.2 Pelaksanaan**

Dekan, Timbalan Dekan HEA, Timbalan Dekan HEP dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) telah merancang pelbagai program bagi memenuhi setiap PI yang telah ditentukan oleh BTU. Program-program ini, kesukarelawan dan kemasyarakatan secara amnya melibatkan 3 komponen penting pembelajaran, hal ehwal pelajar dan jaringan industry. Melalui mesyuarat pengurusan, setiap program akan dibincangkan secara terperinci bagi memenuhi setiap kriteria tersebut. Perbincangan merangkumi area tujahan yang dapat memenuhi kriteria yang ditetapkan.

#### **2.3 Pemantauan**

Bagi menjamin pencapaian PI fakulti, pemantauan dilaksanakan dari masa ke semasa melalui beberapa mekanisma seperti, mesyuarat pengurusan dan juga laporan program bagi menjamin pelaksanaan sebuah program yang berkesan. Bagi tujuan ini juga, mesyuarat bersama pelajar juga diadakan bagi membincangkan perkembangan program-program yang telah ditetapkan.

#### **2.4 Tindakan penambahbaikan**

Bagi meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan, FSPPP telah mengambil tindakan sewajarnya setiap maklum balas dan aduan yang diterima daripada staf, pelajar mahu pun pihak luar yang berkepentingan. Sebagai contoh, Objektif Kualiti FSPPP telah disemak semula pada tahun 2020 untuk pelaksanaan jangka masa pendek bagi memenuhi kehendak dan situasi semasa fakulti dan universiti.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Bagi memastikan setiap objektif tercapai, pelan tindakan telah dihasilkan dan pemantauan berkala dilaksanakan bagi menjejaki perkembangan setiap program komuniti & kesukarelawan yang telah dirancang. Pendekatan holistic telah dilaksanakan bagi menepati setiap PI yang merangkumi Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal pelajar dan Jaringan Industri. Strategic Action Plan 2021 adalah dokumen yang menjadi rujukan bagi setiap PI, dan dokumen ini telah menetapkan inisiatif, sasaran dan aktiviti sepanjang tahun. (lihat lampiran Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi: Strategic Action Plan 2021).

Setiap program yang dirancang akan melalui beberapa proses bagi mendapatkan kelulusan dari pihak pengurusan tertinggi fakulti. (Lihat Minit Mesyuarat Pengurusan Bil.7). Proses bagi mengadakan sesebuah program adalah merangkumi pembuatan kertas kerja, sehingga penghantaran laporan program yang telah dijalankan bagi tujuan penambahbaikan. (Lihat lampiran: Carta Alir HEP). Pencapaian PI juga dapat dipantau melalui laporan berkala oleh penyelaras BTU fakulti, melalui 'update' yang diberikan dari masa ke semasa. (Lihat lampiran Pemantauan Capaian PI 2021).

### **BUKTI**

Bukti 1: Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi : Strategic Action Plan 2021

Bukti 2: Minit Mesyuarat Pengurusan Bil.7

Bukti 3: Carta Alir HEP

Bukti 4: Pemantauan Capaian PI 2021

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20221\\_SAP\\_2021\\_FSPPP.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20222\\_7\\_MINIT\\_MESYUARAT\\_PENGURUSAN\\_BILANGAN\\_7-2021\\_21\\_April\\_2021\\_\(1\).pdf](#)
3. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20223\\_FLOW\\_CHART\\_HEP.pdf](#)
4. [F0064\\_P01\\_PB02\\_20224\\_Pemantauan\\_Pencapaian\\_PI\\_2021.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan Strategik FSPPP 2021 adalah bagi memenuhi aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025 yang memberi penekanan kepada aktiviti kesukarelawan & kemasyarakatan. Melalui Teras Strategik 2: Kecemerlangan Global dalam Tema Strategik 5: Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni, FSPPP komited dalam menghasilkan program bertemakan kemasyarakatan dan kesukarelawan dengan melibatkan masyarakat setempat, dalam dan luar negara.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan melibatkan industri, institusi pengajian tinggi dan juga masyarakat yang kurang berkemampuan. Perancangan jangka panjang 5 tahun ini disinergikan dengan keperluan pihak berkepentingan, iaitu pelajar, staf, badan pemerintahan UiTM, pemerintah, industri dan komuniti perniagaan. Pemantauan dan rancangan tindakan disebarikan melalui mesyuarat JAF dan JKAP secara berkala, MKSP tahunan, audit dalaman, audit luaran dan lawatan pemeriksa luar. Fakulti telah membuat pemetaan objektif fakulti dengan objektif UiTM dan MyRA bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM (2016-2020). (Rujuk Bukti 2)

Bukti 1 menunjukkan pensejajaran diantara lima Objektif FSPPP dan Objektif UiTM. Tiga daripada 5 Objektif yang dinyatakan merupakan fokus utama FSPPP dalam menggerakkan bidang tumpuan pilihan iaitu penyelidikan dan penerbitan.

Tiga Objektif tersebut adalah seperti berikut:

### 1. *Enhancing Faculty's Expertise in Supervision, Research and Publication*

Objektif ini memberi tumpuan kepada kualiti penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan akademik dan pelajar di semua peringkat, dengan kerja kursus dan penyelidikan.

Antara inisiatif strategik dibawah objektif ini adalah:

- Latihan kakitangan akademik untuk program Penyelidikan Graduan dalam Cetakan (GRiP)
- Melibatkan pelajar dalam program GriP
- Kerjasama strategik untuk pembiayaan dengan agensi di bidang penyelidikan khusus
- Mempromosikan Jurnal Sains Pentadbiran (JAS) sebagai platform untuk penerbitan
- Persidangan antarabangsa setiap tahun yang dianjurkan oleh FSPPP - Persidangan Antarabangsa Mengenai Kajian Dasar (ICoPS)
- Sesi perkongsian dalaman dan kebangsaan untuk hasil penyelidikan
- Program *fellowship*
- Mengatur dan mengambil bahagian dalam Pertandingan Inovasi, Penciptaan dan Reka Bentuk(IID)
- Geran penyelidikan nasional dan antarabangsa melalui RIG dan CMI

### 2. *Wholesome University Experience and Academic Enrichment for Staff and Students*

Objektif ini memberi tumpuan kepada persediaan staf dan pelajar daripada aspek kemahiran, mental dan spiritual untuk membolehkan mereka memainkan peranan dan tanggungjawab terhadap institusi dan masyarakat.

Antara inisiatif strategik dibawah objektif ini adalah:

- Menjalinkan hubungan seumur hidup dengan alumni, Universiti dan masyarakat, secara tidak langsung meningkatkan pengalaman kakitangan dan pelajar

- Mempromosikan penyertaan pelajar dalam kokurikulum dan aktiviti kurikulum tambahan yang dapat menyumbang ke arah pencapaian negara dan pengiktirafan antarabangsa
- Mempromosikan perkongsian strategik antara para akademik, industri, dan pakar dan institusi lain untuk meningkatkan perkembangan ilmu dan kemahiran

### **3. Strategic Engagement with National, Regional and International Communities**

Objektif ini menumpukan pada usaha untuk berkolaborasi diperingkat kebangsaan, serantau dan masyarakat antarabangsa mengenai pelbagai aspek akademik dan pembangunan penyelidikan.

Antara inisiatif strategik dibawah objektif ini adalah:

- Mengintegrasikan pengantarabangsaan dalam semua bidang aktiviti fakulti, melalui pengembangan kurikulum yang relevan secara global, mempromosikan dan bekerjasama dalam pengajaran, penyelidikan dan pertukaran pengetahuan dengan rakan serantau dan antarabangsa
- Mempromosikan mobiliti antarabangsa untuk pelajar dan kakitangan
- Mempromosikan kerjasama strategik antara akademik, industri, pakar dan institusi lain untuk meningkatkan akademik dan pembangunan penyelidikan.

#### **Bukti**

1. UiTM 2025 Pelan Strategik
2. SAP FSPPP

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_P01\\_PB03\\_20221\\_UiTM 2025 Pelan Strategik.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB03\\_20222\\_SAP BTU.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Langkah-langkah pemantauan diambil bagi membolehkan pencapaian objektif/KPI/sasaran. Diperingkat FSPPP, mekanisma pemantauan dilaksanakan melalui tiga kaedah utama seperti berikut:

#### **Mesyuarat Pengurusan Fakulti (2 kali setiap bulan)**

Pengemaskinian laporan sasaran dan pencapaian prestasi oleh Timbalan Dekan Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAEN), Koodinator ICAEN dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) FSPPP berkenaan agihan, penetapan sasaran petunjuk prestasi (PI), perancangan strategik dan pencapaian PI serta risiko pelaksanaan program.

#### **Mesyuarat Kajisemula Pengurusan (2 kali setahun)**

Membentangkan sasaran PI, pencapaian, risiko dan penambahbaikan oleh Unit ICAEN, Penyelaras PSTU, Ketua Unit Kualiti dan Penyelaras Pengurusan Risiko FSPPP.

#### **e-Pelaporan (berkala; suku pertama, pertengahan tahun, suku ketiga dan keempat)**

Penyelaras PSTU mengemaskini pencapaian FSPPP secara berkala kepada Bahagian Transformasi Universiti melalui University Electronic Programme Management Office (UePMO v2).

Manakala **Rajah 2.4.1 (Bukti 1)** menunjukkan salah contoh pemantauan pencapaian PI setakat bulan Julai tahun ini yang dibentangkan oleh Timbalan Dekan RICEAN di Mesyuarat Akademik bertarikh 9 Julai 2021.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20221\\_K2 Rajah 2.4.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.



## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

FSPPP memandang serius ke atas potensi risiko yang bakal dihadapi dalam usaha melaksanakan program alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Sehubungan dengan itu, terdapat mekanisme tertentu telah diambil bagi meminimakan risiko yang boleh berlaku.

Berikut merupakan diantara risiko yang telah dikenalpasti yang boleh menjejaskan pelaksanaan program yang dijalankan:

- Mendapatkan idea baru dan terkini bagi mengenalpasti program yang boleh diklasifikasikan sebagai KTP dan USR
- Motivasi staf untuk mengambil bahagian dalam penganjuran program kerana komitmen bekerja daripada rumah
- Pertindihan program komuniti dan kesukarelawanan anjuran persatuan dalaman FSPPP
- Penglibatan pelajar yang agak terhad kerana pelaksanaan Online Distance Learning (ODL)
- Kesukaran mendapatkan kerjasama daripada pihak luar untuk dijadikan rakan strategik dalam penganjuran program

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

FSPPP sentiasa proaktif dalam mengenalpasti, merancang dan melaksana inisiatif tertentu bagi tujuan penambahbaikan kualiti program alumni, komuniti dan kesukarelawanan yang dijalankan. Berikut adalah inisiatif tersebut:

#### **Mendapatkan idea baru dan terkini bagi mengenalpasti program yang boleh diklasifikasikan sebagai KTP dan USR**

- Satu sesi perbincangan (brainstorming) boleh diadakan bersama warga FSPPP bagi mengenalpasti program-program KTP yang berpotensi untuk dilaksanakan dengan mengambil kira kepakaran dalaman. Sesi ini boleh dijalankan secara berperingkat bagi mendapatkan maklum balas dan perkembangan perbincangan
- Menjalankan universiti yang boleh dijadikan penanda aras pelaksanaan USR

#### **Motivasi staf untuk mengambil bahagian dalam penganjuran program kerana komitmen bekerja daripada rumah**

- Penganjuran program perlu diwar-warkan kepada seluruh warga fakulti bagi meningkatkan penyertaan dan kesedaran berkenaan program
- Memberi pendedahan tentang perkaitan diantara program-program yang dirancang bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran, peningkatan kemahiran dan nilai tambah individu dalam peningkatan kerjaya seseorang

#### **Pertindihan program komuniti dan kesukarelawanan anjuran persatuan dalaman FSPPP**

- Kertas cadangan perlu melalui proses semakan yang teliti dan penilaian bagi memastikan program yang dijalankan tiada pertindihan dan dapat memberi lebih manfaat kepada semua pihak
- Mewujudkan satu pengkalan data bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan didalam penggunaan sumber

#### **Penglibatan pelajar yang agak terhad kerana pelaksanaan Online Distance Learning (ODL)**

- Persatuan pelajar memainkan peranan penting dalam membantu mewar-warkan penganjuran program kepada semua pelajar FSPPP dan memaklumkan tentang manfaat program kepada mereka terutamanya program yang melibatkan pemindahan ilmu/teknologi

#### **Kesukaran mendapatkan kerjasama daripada pihak luar untuk dijadikan rakan strategik dalam penganjuran program**

- Meningkatkan tahap interaksi dengan semua pihak berkepentingan melalui hubungan baik yang berterusan. Penilaian awal program bersama pihak berkepentingan dapat membantu mengenalpasti faedah dan pulangan program kepada kedua-dua belah pihak

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berikut adalah beberapa hasil daripada pembudayaan penambahbaikan perancangan strategik yang telah dilaksanakan:

### 1. Inovasi yang bersesuaian dengan Norma Baharu

Kerjasama Membangunkan **Platform Digital Terpilih Sempena Gerakan Massa Terima Kasih Cikgu Peringkat Negeri Sembilan & Pameran Lanjutan Pendidikan 2021** merupakan satu perkongsian ilmu yang merangkumi proses membangunkan beberapa perkongsian digital seperti membangunkan QR Code, mewujudkan Google Form Pendaftaran serta mewujudkan link sempena program tersebut. Perkongsian dari sudut penyebaran ilmu terutama perkongsian dari sudut digital dan online ini bertepatan dengan Norma Baharu yang kita sedang jalani ini. Ketiga-tiga bahagian yang dibangunkan ini telah dibentangkan di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan melalui platform kerjasama Kumpulan Penggerak Ibubapa, Komuniti & Swasta Negeri Sembilan. Dalam mendepani situasi Pandemic COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada masa kini, kerjasama sebegini dapat membantu kelancaran proses tadbir urus dalam setiap peringkat yang diceburi. Rujuk Bukti 1 (Rajah 2.5.1)

### 2. Webinar yang bersifat "public program"

Program Webinar ICAEN FSPPP 2/2021 yang bertajuk **Pesona Komunikasi Online** telah dijalankan selama satu hari secara atas talian dengan mengambil kira situasi Pandemic COVID-19 masa kini. Selain itu, program ini sangat berguna kepada para peserta khususnya kepada golongan tenaga pengajar dalam meningkatkan kemahiran serta mengangkat keupayaan diri mereka dari aspek komunikasi penyampaian kuliah dalam ruang lingkup situasi Norma Baharu. Program ini telah melibatkan bukan sahaja pensyarah FSPPP di kesemua kampus cawangan, malahan juga pensyarah daripada lain-lain fakulti. Rujuk Bukti 2 (Rajah 2.5.2)

Program **Vaccine: Killing or Healing?** Program ini merupakan sesi perkongsiaan mengenai kepentingan vaksin COVID-19 yang telah dianjurkan oleh FSPPP di atas keprihatinan wabak COVID-19 yang melanda negara. Seramai 3 orang panelis telah terlibat didalam program ini iaitu; Dr. Amanda Binti Elli yang merupakan Pegawai Perubatan (Gred UD43) Klinik Kesihatan Setiawangsa, Dr. Hazlin Binti Kadir merupakan Penolong Pengarah Kanan Cawangan Kajian Syariah Bahagian Penyelidikan (Gred S44) dan seorang pensyarah FSPPP iaitu Dr. Nurul Hidayana Mohd Noor telah mengupas isu-isu berkaitan dan kepentingan pengambilan vaksin. Program ini akan dilaksanakan secara atas talian melalui strim langsung di saluran Youtube yang terbuka kepada orang ramai. Rujuk Bukti 3 (Rajah 2.5.3)

### 3. Kerjasama dengan organisasi dan badan lain

Bagi memastikan kelancaran program, FSPPP telah menjalin kerjasama dengan organisasi ataupun badan luar dan menjadikan mereka rakan strategik dalam program yang dianjurkan bersama. Program Jalinan Kasih: Projek Bakul Kasih Ramadhan 2021 misalnya, FSPPP telah bekerjasama dengan Malaysian Relief Agency (MRA) yang merupakan sebuah organisasi bantuan kemanusiaan yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah 1952 (PPAB 20/2010) bertujuan membantu mereka yang memerlukan di dalam dan luar negara. Melalui kerjasama strategik ini, pihak MRA akan membantu FSPPP untuk mengenalpasti dan mendapatkan kumpulan/golongan yang disasarkan bagi projek ini.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_P01\\_PB05\\_20221\\_K2 Rajah 2.5.1.pdf](#)
2. [F0064\\_P01\\_PB05\\_20222\\_K2 Rajah 2.5.2.pdf](#)
3. [F0064\\_P01\\_PB05\\_20223\\_K2 Rajah 2.5.3.pdf](#)
- 4.

5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan atau kumpulan sasar FSPPP adalah entiti yang memainkan peranan penting dan terlibat secara langsung dalam pengoperasian dan pengurusan fakulti. Penglibatan entiti yang berkepentingan ini adalah untuk memastikan FSPPP dapat memainkan peranannya dalam menjalin, meneroka dan memperkukuhkan hubungan warga akademik dengan agensi-agensi

kerajaan yang lain, industri dan komuniti awam. Sehubungan dengan itu, Pengurusan Kanan FSPPP mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam mengklasifikasi dan menilai keperluan kumpulan pelanggan dan mewujudkan mekanisme tertentu bagi memahami kepentingan kumpulan ini. Secara umumnya, FSPPP perancang penglibatan kumpulan pelanggannya melalui objektif program yang hendak dicapai. Proses perancangan termasuk menyenarai pendek kumpulan sasaran tertentu, perbincangan melalui mesyuarat mengenai potensi kumpulan sasaran tersebut untuk menyumbang kepada pencapaian program dan faedah ataupun implikasi pelaksanaan program terhadap mereka.

FSPPP telah mengenal pasti pelanggan kepada dua kategori utama iaitu **pelanggan dalaman** dan **pelanggan luaran**. Pelanggan dalaman terdiri daripada pelajar dan pelanggan luaran terdiri daripada badan profesional, agensi kerajaan/badan bukan kerajaan, industri, komuniti setempat dan alumni. Pelbagai bentuk aktiviti dan program telah dilaksanakan bagi merealisasikan bidang tumpuan. Pelaksanaan program-program tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan dalaman, malahan ia juga banyak memberi manfaat kepada pelanggan luaran. Dalam memastikan kepuasan pelanggan dalaman, aspek proses kerja, profesionalisme dan kebajikan pelanggan dalaman haruslah dititikberatkan. Pelanggan dalaman yang mencapai kepuasan perkhidmatan akan dapat memberi hasil kerja dan prestasi yang cemerlang. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan di peringkat fakulti dalam memastikan kepuasan pelanggan dalaman. Pelajar dianggap pelanggan dalaman kepada FSPPP. Pelajar yang mendapat kepuasan perkhidmatan akan dapat mempamerkan kecemerlangan akademik. Pelbagai program telah dilaksanakan fakulti demi mencapai kelestarian akademik pelajar yang seterusnya dapat mencapai kepuasan pelanggan. Manakala, pelanggan luaran adalah pelanggan yang mendapat khidmat dari organisasi dan bekerjasama dengan organisasi. FSPPP merujuk pelanggan luaran kepada pihak agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat korporat dan lain-lain institusi yang mempunyai kepentingan kepada fakulti dan juga universiti. Membina hubungan yang baik dengan pelanggan luaran dapat meningkatkan prestasi fakulti daripada pelbagai aspek.

Penglibatan pelanggan adalah penting demi menjayakan inisiatif yang dirancang. Untuk tujuan tersebut, FSPPP sentiasa memastikan setiap program yang disertai oleh kumpulan pelanggan dapat memberi pulangan yang baik atau ganjaran kepada mereka. Antara faedah yang diperoleh pelanggan adalah peningkatan kebolehpasaran graduan, peningkatan keupayaan dan prestasi, peluang melatih bakat kepimpinan, peluang melatih bakat keusahawanan, peningkatan motivasi diri, peningkatan keterampilan dan mendapat bimbingan khusus dari tokoh industri. Bagi memastikan keberkesanan setiap program yang dijalankan, FSPPP telah mengambil inisiatif untuk mengukur sejauh manakah program yang dilaksanakan memenuhi keperluan pelanggan. Sebagai contoh, bagi program *Speak Out Loud*, JK program telah menilai tahap kefahaman kumpulan sasar yang terlibat iaitu pelajar Tingkatan 6 Sekolah Menengah *King George V*. Daripada analisa yang dilakukan, terdapat perbezaan ketara pemahaman pelajar sebelum dan selepas program dijalankan, dimana dapat dilihat pelajar lebih memahami intipati program setelah program berakhir. Ini membuktikan modul program ini menepati keperluan pelajar tersebut dan boleh digunakan untuk program yang akan datang. Dari masa ke semasa juga, ianya boleh diperbaiki supaya bersesuaian dengan kehendak semasa.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kumpulan sasaran bagi bidang tumpuan pilihan yang telah dipilih iaitu alumni, komuniti dan kesukarelawan adalah pelajar, orang awam, badan kerajaan dan bukan kerajaan dan industri. Rujuk Rajah 3.2 (Bukti 1).

Sebagai contoh, bagi unit Alumni, ianya dapat ditakrifkan sebagai bekas pelajar yang pernah mengikuti pengajian di sesebuah institusi pengajian atau universiti samada di peringkat sijil, asasi, diploma, ijazah atau pascasiswazah (KPM, 2020). Di antara bidang tugas unit Alumni adalah membina hubungan dan jalinan industri yang boleh dicapai melalui Persatuan Alumni FSPPP bagi tujuan kepentingan UiTM secara menyeluruh.

Selain itu, merancang dan menyediakan laporan berkala berkenaan alumni FSPPP UiTM, mentadbir pangkalan data alumni FSPPP UiTM bagi tujuan hubungan dan pemantauan kemajuan alumni. Merangka program bersama alumni dan mengenal pasti pelan strategik dalam pengurusan alumni.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_T01\\_TB02\\_20221\\_K3 Rajah 3.2.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, FSPPP sentiasa memastikan data pelanggan dikumpul dan disimpan dengan baik. Kaedah pengumpulan data adalah seperti di Rajah 3.3 (Bukti 1):

Bagi unit Alumni, terdapat beberapa kaedah data pelanggan dikumpul di antaranya melalui Alumni *Inventory System* (AIS) FSPPP yang telah diwujudkan oleh unit alumni diperingkat Fakulti, ianya merupakan satu pangkalan data yang digunakan oleh pihak Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi dalam mengumpul data berkenaan alumni FSPPP (Rujuk Rajah 3.3 (Bukti 2)). Selain itu, pihak Fakulti juga boleh mendapatkan atau mengakses data melalui “MY ALUMNI OFFICIAL”, di mana ianya boleh didapati menerusi laman web rasmi UiTM.

Selain itu, pengumpulan data alumni juga dilakukan secara manual iaitu melalui *google form*. Bagi data pelanggan yang berkaitan dengan khidmat masyarakat dan sukarelawan, data tersebut dikumpul, disimpan dan dikenalpasti melalui unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) di peringkat Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), ini termasuklah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan khidmat masyarakat yang melibatkan pelajar fakulti. Selain itu, akademik fakulti, ianya merupakan aktiviti –aktiviti kursus berkaitan yang melibatkan khidmat masyarakat melalui program SULAM. Selain itu, bagi staf fakulti, aktiviti berkaitan yang disertai samada anjuran UiTM atau pihak luar seperti NGO dan sebagainya. Kesemua data dan aktiviti di simpan oleh penyelaras khidmat masyarakat RICAEN FSPPP.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_T01\\_TB03\\_20221\\_K3 Rajah 3.3 - Bukti 1.pdf](#)
2. [F0064\\_T01\\_TB03\\_20222\\_K3 Rajah 3.3 - Bukti 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Berdasarkan bidang tumpuan alumni ia dapat mewujudkan dan meluaskan jaringan dikalangan alumni Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi. Hubungan di antara alumni dan fakulti dapat mengeratkan hubungan seterusnya dapat mewujudkan hubungan jalinan Kerjasama yang erat. Kewujudan alumni dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi yang terdiri daripada Alumni Diploma Pentadbiran Awam, Diploma Pentadbiran Korporat, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat, dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar mampu menampilkan kenampakan alumni yang telah berjaya. Kenampakan ini memberi ruang kepada alumni untuk menyumbang Kembali kepada fakulti.

Manakala dari sudut khidmat masyarakat dan sukarelawan di bawah pengelolaan ICAN terdapat beberapa Moa dan Mou yang telah dapat dilaksanakan dengan usahasama yang dari program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh fakulti. Seajar dengan penilaian tugas pensyarah di dalam MyATP penglibatan pensyarah di dalam program khidmat masyarakat turut di nilai. Di samping itu, terdapat beberapa subjek fakulti yang terpilih bagi pelaksanaan program *Service Learning* Malaysia (SULAM) antaranya subjek pembangunan masyarakat. Subjek yang terpilih sebagai SULAM ini telah mewujudkan jalinan kerjasama di antara masyarakat dan FSPPP.

### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.



### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Maklum balas pelanggan adalah penting dalam memastikan kepuasan hati pelanggan sentiasa terjaga. Walau bagaimanapun, di bawah unit alumni FSPPP belum wujudnya satu sistem yang sistematik bagi mendapatkan maklum balas dari Alumni. Namun, terdapat beberapa pangkalan data Alumni yang boleh dimanfaatkan sebaiknya dan memerlukan intergrasi antara pangkalan data. Unit Alumni FSPPP juga tidak mempunyai prosedur kerja yang sistematik dan tiada platform khusus bagi mewujudkan publisiti dalam mendapatkan maklum balas alumni. Buat masa ini pihak unit alumni hanya menggunakan teknik konvensional menggunakan *Google Form* untuk mendapatkan sebarang maklum balas dari alumni.

Meskipun FSPPP memiliki beberapa pangkalan data alumni namun sumber data bagi setiap pangkalan data masih lagi rendah. Hal ini, disebabkan unit alumni menghadapi beberapa kekangan antaranya ialah masa dan sumber tenaga manusia untuk mengurus pangkalan data unit Alumni. Pertambahan bilangan alumni saban tahun turut menyukarkan proses pelaksanaan maklum balas pelanggan di kalangan alumni.

Ancaman wabak Covid-19 selama 2 tahun sebelum ini sememangnya menjejaskan pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat yang biasanya dijalankan secara fizikal terpaksa diubah kepada aktiviti secara maya (*online*). Di samping itu kekangan bajet kewangan menjadi isu utama untuk melaksanakan aktiviti yang dirancang Bersama komuniti. Kekangan penglibatan, minat dan kerjasama dari pelajar dan staf juga turut menjadi antara risiko pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat.

FSPPP turut terdedah kepada pelbagai ancaman serta isu yang boleh menyebabkan fakulti gagal untuk mencapai visi menjadi fakulti yang unggul. Oleh itu, ketidakpastian yang berpunca daripada perkara-perkara melibatkan isu, proses kerja, peristiwa atau kesan risiko perlulah diurus dengan sebaiknya agar kelangsungan kecemerlangan fakulti dapat diteruskan. Terdapat beberapa teknik pengurusan risiko di bawah unit alumni FSPPP dan khidmat masyarakat yang dilaksanakan telah didaftar di dalam senarai risiko fakulti.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Maklum balas daripada alumni diperolehi secara langsung oleh fakulti memandangkan fakulti tiada platform khas untuk menyampaikan maklum balas dan aduan pelanggan. maklum balas diperolehi ketika program bersama alumni. Penilaian akan dilakukan selepas mendapat maklum balas daripada alumni dan akan dilaporkan dalam pelaporan program. Pihak pengurusan juga turut mengambil cakna dalam setiap maklum balas dari penglibatan aktiviti komuniti yang dijalankan. Setiap maklum balas ketika aktiviti bersama komuniti akan di ambil maklum dan pihak pengurusan akan membuat penambah baikan.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Memandangkan maklum balas yang diperolehi daripada alumni melalui saluran secara langsung atau manual terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh Unit Alumni antaranya adalah masalah menganalisis data yang tidak bersepadu, data tidak di simpan dalam satu pangkalan data dan alumni tidak mempunyai platform yang rasmi untuk memberi maklum balas. Oleh itu, pihak fakulti mengambil inisiatif dalam penyertaan di dalam pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) dengan membawa konsep projek transformasi pengumpulan data alumni. Melalui projek ini dapat membantu Unit Alumni untuk mendapatkan maklum balas alumni dengan lebih sistematik.

Manakala dari sudut sukarelawan dan khidmat masyarakat pihak fakulti memandang serius dalam setiap aduan maklum balas pelanggan. Teknik penambahbaikan melalui penanda aras dari program yang sebelumnya dapat membantu untuk meningkatkan kualiti program melalui maklum balas pelanggan yang sebelumnya.

#### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bagi mengukur, menganalisa dan menguruskan pengetahuan, FSPPP telah melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan. Perancangan aktiviti dibuat pada awal tahun bagi proses pemantauan pencapaian petunjuk prestasi strategik (PI) agar semua pihak yang terlibat boleh membuat persediaan bagi tujuan pelaporan. Pelaksanaan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dijalankan selepas sesuatu program alumni, komuniti, dan kesukarelawan tamat. Tindakan pemantauan dilakukan oleh TD RICAN dengan dibantu oleh penyelarasa alumni dan khidmat masyarakat bagi memastikan sasaran PI tercapai serta merancang program-program bagi meneruskan pencapaian PI pada tahun berikutnya. FSPPP juga memberi penekanan kepada tindakan penambahbaikan bagi memastikan aktiviti pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan dapat dilaksanakan dari masa ke semasa.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FSPPP menitikberatkan kepentingan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dalam perancangan aktiviti FSPPP. Hal ini sejajar dengan hasrat UiTM dalam memperkasakan hubungan universiti dan alumni serta masyarakat. Bagi merealisasikan objektif ini, FSPPP telah menggunakan pendekatan penilaian pencapaian serta pemantauan prestasi aktiviti atau program berkaitan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Proses penambaaian prestasi di FSPPP dijalankan seperti kitaran proses penambahbaikan yang dinyatakan di Rajah 4.1 (Bukti 1).

Pencapaian dan pemantauan prestasi dibahagikan kepada empat aspek utama iaitu:

- a) Pencapaian prestasi strategik (PI) fakulti melalui sistem UePMO v2.
- b) Penglibatan staf dalam aktiviti komuniti dan kesukarelawan melalui myATP;
- c) Penglibatan pelajar dalam aktiviti komuniti dan kesukarelawan melalui program yang dianjurkan oleh Bahagian HEP FSPPP;
- d) Pelaporan program bagi aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan melalui sistem SMART.

Kriteria pengukuran pencapaian prestasi strategik fakulti bagi jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan adalah seperti di Rajah 4.2 (Bukti 2). FSPPP berperanan dalam memastikan sasaran setiap petunjuk prestasi dicapai pada setiap tahun.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_A01\\_AB02\\_20221\\_FSPPP K 4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB02\\_20222\\_FSPPP K 4.2 BUKTI 2.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pelbagai kaedah pengukuran digunakan untuk mengukur pencapaian FSPPP bagi jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Proses pengumpulan data dilakukan secara sistematik berpandukan kepada proses kerja pengendalian program yang dijalankan. Rajah 4.3 (Bukti 1) menunjukkan proses pengendalian program bagi jaringan alumni. Manakala, Rajah 4.4 (Bukti 2) menerangkan pengendalian program kesukarelawan. Pengukuran prestasi, analisis dan pengurusan pengetahuan juga mengambil kira data bagi program yang melibatkan aktiviti pelajar, seperti di Rajah 4.5 (Bukti 3).

Proses pengumpulan data, analisis dan pelaporan bagi jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan mengikut proses kerja di Rajah 4.6 (Bukti 4). Kekekapan pengukuran dan penilaian adalah sebanyak 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember.

Data-data dan maklumat yang dikumpul oleh FSPPP merangkumi 3 bahagian utama iaitu pelajar, komuniti dan staf (Rajah 4.7-Bukti 5). Bagi aktiviti pelajar, data kepuasan pelanggan terhadap program/aktiviti yang dijalankan dan laporan program akan direkodkan di dalam sistem SMART. Melalui sistem SMART ini juga, Unit ICAN akan merekodkan data bagi pelaporan pencapaian PI melibatkan program komuniti. Seterusnya, data peribadi staf akan disimpan di dalam sistem HR2U dan prestasi kerja tahunan di dalam sistem myATP.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20221\\_FSPPP K 4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20222\\_FSPPP K 4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20223\\_FSPPP K 4.3 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20224\\_FSPPP K 4.3 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0064\\_A01\\_AB03\\_20225\\_FSPPP K 4.3 BUKTI 5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pencapaian PI strategik setiap tahun direkodkan dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan bagi penambahbaikan prestasi di tahun hadapan. Sebagai contoh Rajah 4.8 (Bukti 1) melaporkan perbandingan petunjuk prestasi bagi PI berkaitan pada tahun 2021 dan 2020. Penambahbaikan perancangan strategik dijalankan pada tahun berikutnya bagi memastikan PI tersebut tercapai. Rajah 4.8 (Bukti 1) menunjukkan prestasi PI 84, 85, dan 86 yang tidak tercapai bagi tahun 2020. Selepas penganalisan data dan penambahbaikan yang dijalankan, terdapat peningkatan pencapaian PI 84 dibuktikan daripada 60% bagi tahun 2020 kepada 90% bagi tahun 2021. Manakala, pelaporan Prestasi PI 85 dan PI 86 mencapai 100% bagi tahun 2021.

Mekanisme pemantauan juga dilaksanakan bagi membolehkan pencapaian PI bidang tumpuan (Rajah 4.9-Bukti 2). Mekanisme yang digunakan adalah dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Kajisemula Pengurusan dan e-pelaporan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20221\\_FSPPP K 4.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20222\\_FSPPP K 4.4.1 BUKTI 2.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Terdapat beberapa risiko yang telah dikenalpasti dalam menjalankan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan berkaitan jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan. Risiko-risiko ini akan menjejaskan fungsi dalam pengukuran, penganalisan serta laporan berkaitan aktiviti-aktiviti yang melibatkan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Jadual 4.1 (Bukti 1) memperincikan senarai risiko atau cabaran yang dihadapi serta cara penyelesaian yang diambil.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20221\\_FSPPP K 4.4.2 BUKTI 1.pdf](#)



#### **4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Penyelaras alumni dan penyelaras khidmat masyarakat bertanggungjawab dalam mengkaji semula dan menambahbaik pelan tindakan yang diambil. Semua maklumat berkaitan dengan program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan juga disalurkan oleh Koordinator HEP dan Ketua Pusat Pengajian kepada Unit ICAN. Mesyuarat berkala dijalankan oleh Unit ICAN bagi melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan menyediakan perancangan aktiviti akan datang. TD RICAN akan membentangkan laporan perancangan serta pencapaian PI strategik di mesyuarat pengurusan. Maklumat berkenaan pencapaian PI strategik juga dimaklumkan kepada pensyarah di mesyuarat akademik dan melalui emel susulan.

Penyelaras alumni dan penyelaras khidmat masyarakat bertanggungjawab dalam mengkaji semula dan menambahbaik pelan tindakan yang diambil. Semua maklumat berkaitan dengan program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan juga disalurkan oleh Koordinator HEP dan Ketua Pusat Pengajian kepada Unit ICAN. Mesyuarat berkala dijalankan oleh Unit ICAN bagi melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan menyediakan perancangan aktiviti akan datang. TD RICAN akan membentangkan laporan perancangan serta pencapaian PI strategik di mesyuarat pengurusan. Maklumat berkenaan pencapaian PI strategik juga dimaklumkan kepada pensyarah di mesyuarat akademik dan melalui emel susulan.

#### **SENARAI BUKTI :**

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Inovasi 1: Mewujudkan kumpulan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Kumpulan KIK diwujudkan bagi mengenal pasti punca masalah serta cadangan penyelesaian bagi pengurusan data alumni. Masalah utama yang dihadapi oleh penyelaras alumni FSPPP adalah kesukaran menguruskan data alumni memandangkan masih tiada pangkalan data yang bersistematik di FSPPP. Oleh yang demikian, penyelaras alumni FSPPP menubuhkan kumpulan KIK bagi menambahbaik pengurusan data alumni dan sistem sedia ada.

Inovasi 2: Menyediakan platform *google form* atau *survey* bagi mendapatkan data.

Penyelaras alumni telah menggunakan *google form* atau *survey* bagi mendapatkan data yang diperlukan dengan kadar segera. Sebagai contoh data alumni yang terlibat dalam keusahawanan. Timbalan Dekan HEP FSPPP juga menggunakan *google form* atau *survey* bagi mengenalpasti staf yang terlibat dengan aktiviti pelajar, kesukarelawan, komuniti dan masyarakat (Rajah 4.10-Bukti 1).

Inovasi 3: Penyediaan e-fail meja bagi penyelaras khidmat masyarakat

Penyelaras khidmat masyarakat FSPPP sebelum ini, Dr. Khairiyah Hj Md. Shahid menyediakan e-fail meja bagi penyerahan tugas kepada penyelaras khidmat masyarakat FSPPP yang baru, Puan Hazariah Yais Razali. E-fail meja ini menjadi dokumen rujukan oleh penyelaras yang baru dalam meneruskan tugas atau aktiviti yang bakal dijalankan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_A01\\_AB05\\_20221\\_FSPPP K 4.5 BUKTI 1.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pada peringkat awal, PDCA membantu dalam proses mengenal pasti masalah yang perlu ditekankan sebelum membuat perancangan dan strategi menyelesaikan sesuatu masalah. Justeru, penetapan sasaran dapat dirangka dengan lebih tepat. Perancangan mengambil kira pengumpulan maklumat dan data sebanyak mungkin supaya setiap perkara diambil kira bagi menghasilkan perancangan yang tepat. Selaian itu, jenis program juga dipertimbangkan seperti berskalan besar atau kecil, sederhana atau rumit dalam memastikan penggunaan sumber manusia dapat dipotimumkan

Setelah perancangan dan penyelesaian masalah di kenalpasti, hal selanjutnya yang perlu dilakukan adalah pelaksanaan (*do*). Dengan pelaksanaan semua aktiviti yang dirancang, fakulti dpat melihat apakah hasil yang diperoleh bersesuaian dengan perancangan atau tidak. Pada peringkat ini, fakulti melakukan pengumpulan data, analisa dan melaporkan data. Setiap pelaporan akan dinilai bagi melihat adakah strategi yang dijalankan berjaya mencapai obejktif dan sasaran fakulti.

Setelah proses perancangan dilakukan dan dipersetujui oleh pihak pengurusan, adalah penting proses seterusnya dijalankan iaitu proses pemeriksaan bagi memeriksa apakah ada kesalahan di peringkat tersebut dan juga mengelakkan berlakunya kesalahan yang berulang. Pada peringkat pemeriksaan ini, perbandingan hasil dapat dilihat antara perancangan dan pelaksanaan. Pelaksanaan juga perlu dilakukan dengan teliti.

Proses pelaksanaan (*do*) dan *check* (pemeriksaan) dilakukan berulang supaya hasil yang diperoleh adalah sempurna dan sesuai dengan objektif fakulti. Kesalahan yang ditemui di tahap pelaksanaan PDCA akan dibuat penilaian.

Beberapa perkara yang perlu dilihat seperti apakah sudah memenuhi standard? Apakah proses pelaksanaan berjaya? Apa yang membuat pelaksanaan gagal?

Sekiranya hasil pemeriksaan adalah memuaskan dan berjalan mengiku perancangan, proses kerja akan diteruskan sebagaimana yang dirancang. Namun, sekiranya terdapat jurang atau kesalahan, tindakan pembetulan akan diambil dengan kadar segera bagi memastikan jurang tidak semakin bertambah.

Hala tuju strategik FSPPP merupakan satu langkah yang perlu diberi keutamaan oleh pengurus sumber manusia di FSPPP kerana melalui kerangka dan penetapan hala tuju yang jelas dari segi visi, misi dan matlamat akan dapat membantu pengurus sumber manusia membuat perancangan pembangunan sumber manusia yang lebih teratur. Ini adalah kerana keupayaan dalaman organisasi adalah penentu kepada kejayaan pencapaian matlamat.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan FSPPP didokong oleh staf pentadbiran sokongan dan akademik yang menjadi tulang belakang kepada kesemua aktiviti akademik dan bukan akademik di fakulti. Secara keseluruhannya, setiap daripada portfolio jawatan sumber manusia di FSPPP secara langsung dan tidak langsung menyumbang kepada kejayaan dan keberkesanan program komuniti dan kesukarelawan di FSPPP.

FSPPP mempunyai sumber tenaga yang berkebolehan dan hebat bagi menjayakan pelbagai bentuk program yang dilaksanakan. FSPPP mempunyai kekuatan 75 orang staf akademik dan 17 orang staf pentadbiran yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada kejayaan program-program yang dijalankan (Rujuk bukti 1)

Bagi menjayakan program komuniti dan kesukarelawan, pihak fakulti telah membuat perancangan penggunaan sumber manusia dengan menstrukturkan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni FSPPP. (RICEAN) bersesuaian dengan tugas, tanggungjawab serta aktiviti yang dirancang. Struktur unit ini terdiri daripada Timbalan Dekan (RICAEN), Koordinator RICAEN dan ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab menyelaras kesemua 7 skop tugas seperti berikut:

1. Penyelidikan & Penerbitan
2. Jaringan Industri
3. Komuniti - Khidmat masyarakat
4. Alumni
5. MASMED - Keusahawanan
6. PRIME, MyRA & Penarafan
7. Inovasi

Disamping itu, untuk menggalakkan penglibatan sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan, Dekan FSPPP sentiasa mengalu-alukan warga fakulti untuk turut sama terlibat dalam program yang dijalankan. (rujuk bukti 2)

Bagi memastikan warga fakulti dapat melakukan transformasi dalam perkhidmatan ke arah kecemerlangan, FSPPP sentiasa percaya bahawa pengurusan sumber manusia perlu dibuat dengan mengambil pendekatan dinamik. Pengurusan prestasi, penghargaan dan pengiktirafan dilaksanakan bagi terus memacu kecemerlangan, menambahbaik sikap serta meningkatkan motivasi warga FSPPP. Penghargaan, ganjaran dan pengiktirafan diberikan kepada staf dengan menilai keterlibatan dan keberhasilan tanpa mengeneipkan elemen akauntabiliti di kalangan warga FSPPP. Berikut merupakan penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan oleh fakulti kepada warga FSPPP:

**a) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC):** Anugerah ini merupakan ganjaran dan pengiktirafan kepada individu yang telah mempamerkan prestasi yang cemerlang bagi tahun perkhidmatan tersebut (Rujuk bukti 3).

**b) Hari Kecemerlangan Fakulti:** Warga FSPPP turut diraikan setiap tahun melalui Hari Kecemerlangan Fakulti di mana pelbagai anugerah diberikan kepada sumber manusia. Penghargaan dan pengiktirafan ini meliputi bidang Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan juga Jaringan Industri, Penyelidikan dan Alumni.

**c) Ucapan Penghargaan:** FSPPP turut merakamkan ucapan penghargaan melalui surat, email serta media sosial atas setiap kejayaan yang dicapai oleh warga fakulti (Rujuk bukti 4)

**d) Kenaikan pangkat:** FSPPP sentiasa menggalakkan mana-mana warga fakulti yang layak memohon untuk kenaikan pangkat menghantar permohonan. Pihak fakulti akan menvematik dan

menyokong permohonan untuk dimajukan ke peringkat seterusnya. Penglibatan staf di dalam program jaringan industri turut menyumbang kepada penilaian bagi tujuan kenaikan pangkat. Bagi tahun 2021, 2 orang staf akademik FSPPP dinaikkan pangkat ke VK 7 dan seorang dinaikkan pangkat ke DM 52. (Rujuk bukti 5)

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20221\\_BUKTI 5.1 JUMLAH STAF.pdf](#)
2. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20222\\_AKTIVITI KESUKARELAWAN DAN KOMUNIT.pdf](#)
3. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20223\\_K5 SUMBER MANUSIA - APC.pdf](#)
4. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20224\\_K5 SUMBER MANUSIA PEHARGAAN.pdf](#)
5. [F0064\\_S01\\_SB02\\_20225\\_K5 SUMBER MANUSIA -kenaikan pangkat.pdf](#)

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **Sesi perkongsian pakar-pakar bidang FSPPP se-Malaysia**

Julung-julung kalinya fakulti telah berjaya mengadakan sesi perkongsian pakar-pakar bidang FSPPP daripada semua kampus cawangan di dalam program webinar Bicara Buku (Rujuk bukti 1). Mereka terdiri daripada pakar-pakar pelbagai bidang yang berkongsi pengalaman tentang penulisan buku. Sesi perkongsian ini sangat signifikan kerana ianya juga dilihat sebagai satu platform yang boleh mengetengahkan kepakaran dalaman sedia ada. Selain daripada itu, program sebegini juga dapat memupuk semangat warga akademik fakulti untuk menerbitkan buku pada masa akan datang.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_S01\\_SB03\\_20221\\_WEBMINAR BICARA BUKU.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kepuasan kerja merupakan aspek yang penting bagi sesebuah organisasi dan hendaklah berada ditahap tertinggi bagi sesebuah organisasi yang mana, organisasi hendaklah menitikberatkan kepuasan kerja selaras dengan kerja yang telah diberikan. Hal ini kerana, kepuasan kerja memainkan peranan yang sangat penting dalam menilai sifat yang ada dalam diri pekerja. Bagi memastikan kepuasan staf FSPPP berada pada tahap optimum, beberapa strategi telah dijalankan oleh fakulti.

#### **i) Mesyuarat Akademik**

Komunikasi dua hala antara pihak pengurusan tertinggi dan staf akademik dimana staf diberikan peluang untuk memberikan pandangan serta pendapat bagi penambahbaikan berterusan fakulti.

#### **ii) Mesyuarat Pengurusan**

Mesyuarat Pengurusan adalah platform di mana pihak pengurusan fakulti membincangkan hal ehwal fakulti yang menjadi teras kepada sebarang keputusan yang dibuat untuk setiap warga fakulti. Salah satu agenda yang tersenarai di dalam mesyuarat ini adalah aduan maklum balas pelanggan di mana sekiranya terdapat sebarang ketidakpuasan hati warga FSPPP, isu ini akan dibawa bagi mencari solusi yang terbaik.

#### **iii) Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)**

Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti fakulti. Di dalam mesyuarat ini, pihak pengurusan akan dibentangkan dengan prestasi semasa fakulti serta hasil dapatan audit yang membantu fakulti mengukuhkan sistem tadbir urus serta meningkatkan tahap kerja yang lebih baik.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20221\\_K5 SUMBER MANUSIA -meting akademik.pdf](#)
2. [F0064\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20222\\_K5 SUMBER MANUSIA -PENGURUSAN.pdf](#)
3. [F0064\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20223\\_K5 SUMBER MANUSIA AGENDA MKSP.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

### Risiko Peringkat Strategik

Risiko peringkat strategik boleh didefinisikan sebagai risiko-risiko yang wujud akibat daripada perubahan dasar, kepimpinan organisasi, persekitaran, sosio-ekonomi dan politik atau kegagalan mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik atau yang berdasarkan faktor penentu kejayaan (critical success factor) FSPPP. Risiko ini adalah risiko berperingkat tinggi di mana ia diuruskan menerusi pembuatan dasar yang melibatkan isu-isu perancangan strategik di peringkat nasional. Oleh yang demikian, risiko peringkat ini memerlukan keterlibatan pegawai-pegawai kanan yang berbekalkan pengetahuan dan pengalaman yang luas serta mempunyai kapasiti dan berpengaruh besar dalam sesebuah organisasi itu. Ciri-ciri ini penting kerana risiko di peringkat ini akan melibatkan proses pembuatan keputusan yang melibatkan serta merubah dasar dan hala tuju FSPPP pada jangka masa panjang. Risiko yang wujud di peringkat ini adalah dipengaruhi kebiasaannya berpunca faktor luar seperti:

- i. perubahan keadaan ekonomi nasional dan antarabangsa;
- ii. perubahan dalam dasar-dasar Kerajaan atau pertukaran struktur politik;
- iii. perubahan demografik /persekitaran;
- iv. ketidaktenteraman awam; dan
- v. persekitaran seperti pencemaran.

### Risiko Peringkat Program

Risiko di peringkat program adalah berkait rapat dengan risiko yang wujud di peringkat strategik. Hal ini kerana dasar-dasar yang digubal di peringkat strategik perlu disampaikan kepada kumpulan tertentu sama ada di peringkat dalaman mahupun luaran ataupun sebagai makluman umum. Maka, apa-apa yang menjadi penghalang kepada tujuan ini boleh didefinisikan sebagai risiko peringkat program. Program-program tertentu perlu dirancang dan dibangunkan berdasarkan dasar-dasar yang telah digubal. Pengurusan atasan FSPPP harus memastikan bahawa program yang telah dibangunkan ini dijalankan supaya keputusan besar yang telah dibuat dalam fakulti mencapai objektifnya:

- i. perolehan;
- ii. kewangan;
- iii. pengurusan;
- iv. projek;
- v. perundangan;
- vi kualiti Perkhidmatan; dan
- vii. kesinambungan perkhidmatan.

### Risiko Peringkat Operasi

Risiko di peringkat operasi boleh didefinisikan sebagai pelengkap kepada risiko di peringkat strategik dan program. Segala program yang telah dibangunkan berdasarkan dasar-dasar di peringkat strategik mesti dilaksanakan menerusi operasi yang telus dan efektif. Proses ini penting supaya keputusan-keputusan di peringkat tertinggi memenuhi tujuan asal ia dibuat. Risiko operasi adalah kebarangkalian berlaku perkara-perkara operasi yang menyebabkan kerosakan (damage) yang diakibatkan dari kelemahan proses kerja, sistem teknologi maklumat, sistem kawalan dan sokongan dalam operasi atau aktiviti harian FSPPP. Contoh-contoh risiko



adalah seperti berikut:

- i. kelemahan dalam aspek latihan dan sistem kawalan sumber manusia;
- ii. proses kerja yang tidak lengkap;
- iii. kegagalan dalam mematuhi proses; dan
- iv. gangguan sistem secara dalaman atau luaran.

Bagi memastikan pengurusan risiko tidak diambil mudah, maka, fakulti telah melantik pegawai penilaian risiko untuk menguruskan hal berkaitan risiko seperti mengenalpasti risiko dan menganalisis risiko supaya perancangan fakulti dapat dijalankan dengan lancar.

(Rujuk bukti 1 berkaitan pengurusan risiko)

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20221\\_K5 DAFTAR RISIKO.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelbagai usaha dan inisiatif dibuat oleh FSPPP bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja di fakulti sentiasa ditambah baik. Aspek ini amat dititikberatkan kerana persekitaran dan sistem kerja yang kondusif dapat membantu warga fakulti untuk terus menyumbang dan terlibat dalam program-program jaringan industri. Persekitaran dan sistem kerja yang baik juga dapat memaksimumkan kompetensi sumber manusia di FSPPP. Usaha penambahbaikan yang dijalankan dapat dilihat melalui bukti-bukti yang dilampirkan.

#### 1. Peringatan mengisi borang deklarasi harian saringan risiko COVID-19

Maklumbalas borang deklarasi harian saringan risiko COVID-19 merupakan salah satu mekanisme untuk membantu pihak fakulti dalam mengenal pasti keadaan staf berikutan penularan wabak COVID-19. Bukti 1 menunjukkan peringatan untuk mengisi borang deklarasi harian saringan risiko COVID-19 oleh Penolong Pendaftar FSPPP.

#### 2. Peringatan memenuhi keperluan jam latihan

Di samping itu, pihak pengurusan juga sentiasa mengingatkan staff FSPPP supaya sentiasa memenuhi jumlah jam latihan yang telah ditetapkan, walaupun bekerja daripada rumah (bukti 2). Ini bagi memastikan staf FSPPP sentiasa menambah ilmu bagi memudahkan proses tugas akademik atau pentadbiran masing-masing.

#### 3. Sistem e-Aduan

Sistem e-Aduan merupakan salah satu kaedah penambahbaikan yang dibuat oleh fakulti. Aduan boleh dibuat oleh staf melalui laman sesawang fakulti. Sistem ini dipantau oleh Koordinator Korporat dan semua aduan-aduan yang dilaporkan akan dibentangkan semasa MKSP.

Selain itu, beberapa tindakan lain juga diambil bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif di FSPPP seperti berikut:

##### a) Mengambil berat masalah kesihatan staf

Masalah kesihatan staf sentiasa menjadi fokus utama pengurusan kanan fakulti. Dekan memahami cabaran yang dilalui oleh staf apabila bekerja daripada rumah. Bebanan tugas harian dan menguruskan keluarga bukanlah suatu hal yang mudah. Demi menjaga kualiti hasil kerja dan memastikan kesihatan staf sentiasa berada ditahap yang baik, Dekan mengambil inisiatif untuk membantu mana-mana staf yang mempunyai masalah ataupun tekanan semasa fasa pandemik COVID-19 dengan memberi ruang kepada mereka untuk menyuarakan kesulitan tersebut kepada pihak fakulti agar dapat diberikan jalan penyelesaian. (rujuk bukti 3).

##### b) Program bersifat kerohanian

Dibawah Kelab Kebajikan FSPPP, pihak fakulti mengambil inisiatif menganjurkan program-program kerohanian secara atas talian untuk merapatkan silaturrahim dalam kalangan staf FSPPP. Sebagai contoh, majlis bacaan doa selamat dan yasin untuk kesejahteraan warga fakulti. Program seumpama ini sentiasa mendapat sambutan dan ianya telah menjadi sebahagian daripada budaya fakulti. (rujuk bukti 4).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20221\\_DEKLARASI.pdf](#)
2. [F0064\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20222\\_JAM LATIHAN.pdf](#)
3. [F0064\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20223\\_K5 SUMBER MANUSIA -KESIHATAN.pdf](#)

T. [root@dot.gov](mailto:root@dot.gov) [root@dot.gov](mailto:root@dot.gov)

5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Amalan kerja berpasukan setiap ahli di dalam fakulti akan memberi bantuan antara satu sama lain, berkongsi pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai kebebasan menyuarakan boleh menggunakan sumber bersama dengan lebih efektif. Melalui kerjasama ini juga setiap ahli dalam organisasi akan memberi komitmen yang tinggi dalam proses pembuat keputusan serta penyelesaian masalah dan mereka akan memastikan tidak berlaku sebarang kegagalan dalam setiap program yang dirancang.

Keberkesanan kerja berpasukan dan kepuasan kerja ahli fakulti yang mendapati kerja pasukan akan mempunyai peluang yang luas untuk bertukar pengetahuan, pengalaman, maklumat dan idea dengan rakan sekerja melalui kerja berpasukan. Kakitangan akan meningkatkan kebolehan seseorang ahli dalam pasukan mencetuskan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif bagi mempertingkatkan kualiti kerja yang dijalankan. Apabila kakitangan mengamalkan semangat berpasukan, mereka akan secara langsung boleh mengukuhkan tiga aspek yang penting kepada proses peningkatan kualiti iaitu pertukaran maklumat dan idea-idea dan lebih meluas, semangat saling percaya-mempercayai dalam kalangan kakitangan dan komunikasi yang lancar di dalam organisasi.

Selain itu, fakulti memberi pertimbangan yang wajar terhadap dimensi penambahbaikan berterusan dan pengurusan sumber manusia yang merupakan antara faktor utama yang dapat menentukan kejayaan pelaksanaan pengurusan kualiti di FSPPP yang seterusnya memberi impak kepada komuniti.

Pengurusan fakulti juga sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya ke atas program yang melibatkan aktiviti melibatkan komuniti dan kesukarelawanan dan membuat pembahagian kerja yang sistematik untuk meningkatkan kualiti kerja bagi meningkatkan kelancaran setiap program yang dirancang. Galakan dan sokongan yang berterusan menjadi teras utama fakulti dalam menjayakan pelbagai program yang dirancang. (rujuk bukti 1 : contoh penghargaan dan galakan Dekan kepada warga fakulti untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan dan komuniti).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_S01\\_SB05\\_20221\\_K5 INTEGRASI.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) komited untuk mendukung aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025 melalui Pelan Tindakan Strategik FSPPP dengan memperkasakan hubungan di antara universiti dan masyarakat atau komuniti setempat menerusi penganjuran pelbagai program komuniti, alumni dan kesukarelawan. Oleh itu, untuk memastikan operasi jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan berada pada tahap yang tinggi, FSPPP sentiasa memastikan segala pelaksanaan program dan aktiviti dijangka mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Menerusi pemantauan pelaksanaan secara berkala dan berterusan, ia akan dapat memastikan setiap program dan gerak kerja yang dilaksanakan menepati piawaian kualiti yang tinggi serta memberi impak yang positif kepada masyarakat.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mencapai PI yang telah ditetapkan, FSPPP telah mengenalpasti dan membuat perancangan proses kerja yang teliti bagi memudahkan perjalanan program. Penekanan diberikan kepada tiga proses utama dalam penganjuran program berkaitan dengan alumni, komuniti dan kesukarelawanan, iaitu:

### i) Meluluskan Kertas Kerja (Rujuk Bukti 1)

- KPI a) : Menerima kertas kerja yang lengkap
- KPI b) : Tempoh kelulusan kertas kerja dalam masa satu minggu

### ii) Menjalankan Program (Rujuk Bukti 2)

- KPI a) : Kehadiran pelajar 100%
- KPI b) : Penganjuran program tidak bertindih dengan jadual kelas atau ujian

### iii) Menyediakan Laporan (Rujuk Bukti 3)

- KPI a) : Laporan dihantar dalam masa dua minggu selepas program berlangsung
- KPI b) : Laporan harus lengkap dan mengandungi borang kepuasan hati pelanggan

Secara umumnya, tiga proses utama yang dinyatakan di atas amat penting dalam memastikan program dapat dianjurkan dengan baik. Setiap proses tersebut adalah berlandaskan kepada model Plan, Do, Check, Action (PDCA) yang mana penggunaan model ini adalah untuk memastikan penganjuran program berkaitan alumni, komuniti dan kesukarelawanan dapat berlangsung dengan jayanya dan mampu untuk memberi hasil yang bermanfaat kepada masyarakat dan juga FSPPP.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_O01\\_OB02\\_20221\\_FSPPP K 6.2 Bukti 1.pdf](#)
2. [F0064\\_O01\\_OB02\\_20222\\_FSPPP K 6.2 Bukti 2.pdf](#)
3. [F0064\\_O01\\_OB02\\_20223\\_FSPPP K 6.2 Bukti 3.pdf](#)

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Terdapat banyak inisiatif yang telah dijalankan oleh FSPPP di dalam satu projek utama, namun hanya beberapa inisiatif sahaja yang akan diberi tumpuan bagi menunjukkan pelaksanaan model PDCA. Jadual 6.1 menunjukkan model PDCA bagi beberapa projek utama jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan yang merangkumi projek; Borak Santai Bersama Alumni: Inspirasi CEO, Jalinan Kasih: Projek Bakul Kasih Ramadhan 2021, Vaccine: Killing or Healing?, dan Speak Out Loud. (Rujuk Bukti 1)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_O01\\_OB03\\_20221\\_FSPPP K 6.3 Bukti 1.pdf](#)
2. [F0064\\_O01\\_OB03\\_20222\\_FSPPP K 6.3 Bukti 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Komitmen pihak pengurusan FSPPP dalam memastikan projek-projek komuniti, alumni dan kesukarelawan dalam mencapai KPI ditunjukkan dengan menilai semula pencapaian PI tahun sebelumnya dan mengenal pasti kelemahan dan kekuatan melalui mesyuarat pengurusan tertinggi dan juga Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Rujuk bukti 1).

Pelan Tindakan Strategik FSPPP dirangka melalui tindakan dan maklumbalas Koordinator atau Pengarah Projek dan dipantau oleh AJK perancangan strategik untuk mengekalkan momentum pencapaian PI yang berterusan. Kertas kerja projek-projek komuniti, alumni dan kesukarelawan dibentangkan di dalam mesyuarat pengurusan tertinggi untuk diteliti dan diminitkan untuk tujuan pemantauan berterusan atau intervensi untuk penambahbaikan jika diperlukan (Rujuk bukti 2). Projek-projek yang telah selesai perlu dilaporkan di system pelaporan SMART untuk alumni dan komuniti (Rujuk bukti 3) dan kesukarelawan di bahagian Hal Ehwal Pelajar peringkat universiti. Pelaporan ini akan menentukan pencapaian PI fakulti yang akan diumumkan oleh peneraju PI universiti (Rujuk bukti 4).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20221\\_FSPPP K 6.pdf](#)
2. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20222\\_FSPPP K 1.pdf](#)
3. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20223\\_FSPPP K 2.pdf](#)
4. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20224\\_FSPPP K BUKTI 6.pdf](#)
5. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20225\\_FSPPP K 3.pdf](#)



## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko pada tahun 2021 adalah sangat mencabar terutama sekali dengan penularan pandemik Covid-19. Pandemik ini adalah risiko terbesar dalam memastikan projek-projek alumni, komuniti dan sukarelawan dapat dijalankan. Namun dengan kemajuan teknologi yang tidak terjejas, projek-projek ini dapat dijalankan di atas talian tanpa perlu bersemuka (Rujuk bukti 1). Risiko Covid-19 walaupun bagaimanapun dikategorikan sebagai risiko rendah sehingga sederhana.

Peruntukan projek yang melebihi perbelanjaan fakulti adalah risiko yang juga boleh ditangani dengan mengurangkan perbelanjaan tidak perlu dan menggunakan sumber sedia ada di fakulti, termasuk percetakan dan alat tulis. Menggunakan staf dalaman juga adalah salah satu cara ke arah mengurangkan perbelanjaan tetapi tetap berimpak tinggi. (Rujuk bukti 2).

Pencapaian PI menuntut perancangan teliti daripada Koordinator dan juga ketua-ketua projek. Salah satu risiko pelaksanaan projek adalah aktiviti yang dicadangkan tidak menepati objektif fakulti. Pengurusan operasi dalam aspek ini ada intervensi daripada pihak pengurusan melalui mensyuarat pengurusan berkala dalam memastikan projek-projek alumni, komuniti dan kesukarelawan menepati objektif seterusnya mencapai PI yang ditetapkan (Rujuk bukti 3 dan 4).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20221\\_FSPPP K 4.pdf](#)
2. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20222\\_FSPPP K BUKTI 1.pdf](#)
3. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20223\\_FSPPP K 5.pdf](#)
4. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20224\\_FSPPP K BUKTI 2.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses mengkaji semula yang dilakukan pihak fakulti terutama sekali selepas sesuatu projek dilaksanakan menunjukkan komitmen tertinggi pihak fakulti dalam memastikan projek-projek ini membawa momentum yang maksimum seterusnya mencapai PI fakulti. Melalui mesyuarat pengurusan dan juga Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), projek-projek yang telah dijalankan di analisa dan diperhalusi untuk tujuan penambahbaikan (Rujuk bukti 1). Maklumbalas Koordinator dan pengurus projek juga di ambil kira dalam mengenalpasti kekangan atau kelebihan yang boleh dimanfaatkan untuk projek akan datang.

Pihak fakulti menekankan aspek operasi yang telus iaitu memastikan setiap aktiviti yang dijalankan wajib di bentangkan di mesyuarat pengurusan. Intervensi ini penting dalam memastikan tiada projek yang tidak dilaporkan (Rujuk bukti 2). Proses ini juga penting kerana kesemua projek alumni, komuniti dan sukarelawan melibatkan pengurusan sumber yang besar iaitu kewangan, penglibatan staf, penglibatan pelajar, penglibatan alumni, penglibatan komuniti dan juga agensi-agensi luar (Rujuk bukti 3). Penganalisan operasi dalam aspek ini adalah sangat kritikal.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20221\\_FSPPP K 7.pdf](#)
2. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20222\\_FSPPP K 8.pdf](#)
3. [F0064\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20223\\_MyRA SMART ENTREPRENEUR \(1\).pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak pengurusan fakulti memberikan kebebasan kepada Koordinator dan pengurus-pengurus projek alumni, komuniti dan kesukarelawan untuk merangka dan menjalankan projek mengikut kesesuaian dan pencapaian PI fakulti. Mengenalpasti kepakaran adalah salah satu pembudayaan yang diamalkan di FSPPP untuk memberi lebih pengiktirafan kepada staf fakulti (rujuk bukti 1 dan 2). Kepakaran staf fakulti dimanfaatkan sepenuhnya dalam program komuniti terutamanya dalam program *Knowledge Transfer Program* (KTP) yang melibatkan komuniti luar dan juga aspek kesukarelawan (rujuk bukti 3). Usaha untuk melibatkan penglibatan alumni terutamanya alumni fakulti dalam program-program anjuran fakulti juga sudah lama dijadikan budaya setiap tahun seperti sesi perkongsian alumni (rujuk bukti 4 dan 5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0064\\_O01\\_OB05\\_20221\\_FSPPP K10.pdf](#)
2. [F0064\\_O01\\_OB05\\_20222\\_FSPPP K 4 6.5.pdf](#)
3. [F0064\\_O01\\_OB05\\_20223\\_MyRA SMART ENTREPRENEUR \(1\).pdf](#)
4. [F0064\\_O01\\_OB05\\_20224\\_SURAT KELULUSAN Borak Santai Alumni AM228.pdf](#)
5. [F0064\\_O01\\_OB05\\_20225\\_FSPPP K 9.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Utama 1: Perancangan Strategik

Perancangan Strategik merupakan agenda terpenting FSPPP kerana hala tuju dan masa depan fakulti berlandaskan kepada inisiatif strategik, objektif dan matlamat yang dirangka. Dokumen Perancangan Strategik FSPPP adalah bersifat menyeluruh dimana ianya memerlukan komitmen yang berterusan warga fakulti untuk merealisasikan segala inisiatif dapat dilaksanakan dengan jayanya.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FSPPP meletakkan komitmen yang tinggi dalam merancang strategi dan inisiatif tertentu untuk mencapai misi dan visi fakulti dan UiTM secara umumnya. Setiap strategi disokong oleh petunjuk prestasi sebagai panduan dalam merancang program-program yang relevan dengan situasi semasa dan akan datang. Sehubungan dengan itu, perubahan teknologi, ekonomi semasa dan aspek sosial merupakan diantara perkara penting yang diberi perhatian dalam merangka objektif program yang hendak dilaksanakan.

Perancangan strategik FSPPP adalah berdasarkan kepada Perancangan Strategik FSPPP 2021-2025 yang menjadi teras utama dalam mencapai misi dan visi UiTM secara amnya. Proses penetapan halatuju fakulti telah dibentuk berpandukan kepada Rancangan Malaysia ke-12 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 untuk memastikan segala dasar, polisi dan strategi yang dilaksanakan selaras dengan inisiatif strategik yang dijalankan. Penetapan sasaran ini adalah seiring dengan sasaran objektif kualiti UiTM. Bagi memastikan objektif perancangan strategik ini tercapai, pelbagai usaha yang melibatkan warga FSPPP telah pun dilaksanakan . secara keseluruhan, daripada 7 Petunjuk Prestasi yang digariskan, FSPPP telah berjaya mencapai 6 daripadanya (100%). Terdapat 2 Petunjuk Prestasi yang melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu PI 86 dan PI 87.

Program-program yang mencapai KPI 100% ialah:

- Jumlah alumni yang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan
- Bilangan Program Pemindahan Pengetahuan (Knowledge Transfer Programmes (KTP)
- Jumlah amaun yang diterima (daripada luar) untuk program USR dan KTP
- Jumlah amaun yang dibelanjakan (daripada dana sendiri) untuk program USR dan KTP
- Bilangan komuniti yang menerima/manfaat daripada pengetahuan/teknologi projek penyebaran
- Bilangan program khidmat kepakaran alumni

Manakala program Tanggungjawab Sosial Universiti (University Social Responsibility (USR) mencapai peratusan 90%. Dari sudut perbandingan tahun 2020, kesemua pencapaian petunjuk prestasi tahun 2021 meningkat berbanding tahun sebelumnya.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0064\\_HB02\\_20221\\_FSPPP K7 BUKTI 7.1.2.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0064\\_HB03\\_20222\\_FSPPP K7 BUKTI 7.1.3.pdf](#)

..... (Completion/Continuity)

BUKTI : [H1\\_F0064\\_HB04\\_20223\\_FSPPP K7 BUKTI 7.1.4.pdf](#)

**7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0064\\_HB05\\_20224\\_FSPPP K7 BUKTI 7.1.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Hasil Utama 2: Tumpuan Kepada Operasi

Bagi mencapai objektif/KPI/sasaran yang telah ditetapkan, FSPPP telah mengenalpasti dan membuat perancangan proses kerja yang teliti bagi memudahkan perjalanan program. Penubuhan Jawatankuasa Penggerak Program, mengenalpasti sumber kewangan dan intipati program merupakan antara perkara penting yang diberi perhatian bagi menjayakan inisiatif/program yang hendak dilaksanakan.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FSPPP sentiasa memberikan komitmen bagi memastikan operasi jaringan industri berada pada tahap yang terbaik. Ini adalah bagi memastikan objektif yang ditetapkan akan dicapai oleh pihak fakulti. Bagi memastikan hal ini, fakulti sentiasa membuat perancangan bagi memastikan pelaksanaan dapat dijalankan secara berkala bagi menyemak pencapaian objektif dan inisiatif jaringan industri. Penganjuran program komuniti dan kesukarelawanan bukan hanya terbatas diperingkat dalaman sahaja, tetapi juga diperingkat luaran yang melibatkan masyarakat luar. Sehubungan dengan itu FSPPP sentiasa menitikberatkan usaha dengan pihak luar dalam usaha menjayakan program yang dijalankan. Kerjasama bersama pihak luar termasuk pihak kerajaan, sekolah, badan bukan kerajaan (NGO), organisasi swasta dan lain-lain institusi yang mempunyai kepentingan kepada fakulti dan juga universiti. Secara kesuluruhan, penganjuran program alumni, komuniti dan kesukarelawanan bersama pihak luar melibatkan pelbagai peringkat lapisan masyarakat. Diantara golongan masyarakat yang terlibat ialah pejabat luak rembau, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, guru dan pelajar Sek Men King George V, Komuniti Felda Tenang, Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, warga emas, golongan asnaf dan Felda Serting Hilir

Selain itu, penganjuran program santuni komuniti dan kesukarelawanan anjuran FSPPP meningkat saban tahun. Pelbagai bentuk program telah dilaksanakan melalui kelab dan persatuan dalaman fakulti. Bagi tahun 2021 sebanyak 25 program telah dianjurkan berbanding 13 dan 3 program pada tahun 2020 dan 2019. Ini jelas menunjukkan perancangan yang diteliti telah dibuat oleh fakulti bagi memastikan lebih banyak program komuniti dan kesukarelawan dapat dianjurkan supaya ianya dapat memberi pulangan yang bermanfaat pada masyarakat.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0064\\_HB02\\_20221\\_FSPPP K7 BUKTI 7.2.2.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0064\\_HB03\\_20222\\_FSPPP K7 BUKTI 7.2.3.docx.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0064\\_HB04\\_20223\\_FSPPP K7 BUKTI 7.2.4.docx.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0064\\_HB05\\_20224\\_FSPPP K7 BUKTI 7.2.5.docx.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 3: Tumpuan Kepada Sumber Manusia

Skop pengurusan sumber manusia FSPPP merangkumi kesemua warga fakulti; staf akademik dan juga staf pentadbiran. FSPPP mempunyai kekuatan 75 orang staf akademik dan 17 orang staf pentadbiran yang beroperasi di dua kampus iaitu Kampus Negeri Sembilan dan Shah Alam.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

FSPPP sentiasa menitikberatkan pengurusan sumber manusia yang proaktif yang boleh memberi kesan yang positif ke atas organisasi. Sehubungan dengan itu beberapa perkara penting seperti hala tuju kerjaya, kepakaran dan kebajikan staf diambil kira bagi memastikan pengurusan tenaga kerja bertepatan dengan visi dan misi fakulti yang hendak dicapai.

Kempimpinan Kanan fakulti yang sentiasa menggalakkan staf menghadiri latihan bagi menambah pengetahuan berkaitan bidang dan kepakaran masing-masing secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran dan kompetensi. Ini adalah penting bagi memastikan warga fakulti mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang relevan bersesuaian dengan kehendak dan situasi semasa. Amalan penilaian prestasi kerja yang adil juga sentiasa dipraktik

Kepimpinan Kanan fakulti juga sentiasa menunjukkan sokongan yang berterusan dan tidak berbelah bagi kepada semua warga fakulti. Sebagai contoh, Dekan dan Timbalan-Timbalan Dekan FSPPP sering 'turun padang' ke program-program anjuran fakulti sebagai tanda sokongan. Sebarang isu berkaitan juga sentiasa dibincangkan bersama, sama ada secara formal atau tidak formal bagi memastikan kelancaran program.

Selain daripada itu, komunikasi yang baik diantara semua pihak sentiasa menjadi amalan di FSPPP. Kesemua warga FSPPP sentiasa cakna dan maklum tentang Petunjuk Prestasi (KPI) yang harus dicapai dan ianya menjadi tanggungjawab bersama, bukan tertakluk kepada sesetengah individu sahaja. Semangat berdaya saing dan berpasukan sentiasa ditunjukkan bagi mewujudkan suasana kerja yang produktif dan harmoni.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0064\\_HB02\\_20221\\_FSPPP K7 BUKTI 7.3.2.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0064\\_HB03\\_20222\\_FSPPP K7 BUKTI 7.3.3.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0064\\_HB04\\_20223\\_FSPPP K7 BUKTI 7.3.4.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0064\\_HB05\\_20224\\_FSPPP K7 BUKTI 7.3.5.pdf](#)